



MERCU DIRGAHAYU



Projek khas
Jabatan Komunikasi



© Universiti Teknologi MARA, 2022

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara – elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Komunikasi, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

e-mel: bkk@uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN 978-967-363-822-2

Diterbitkan oleh:
Penerbit UiTM
Kompleks Usahawan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

MERCU DIRGAHAYU

PRAKATA

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, saya bersyukur kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat diterbitkan buku Mercu Dirgahayu yang menghimpun mercu tanda Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang dinamakan bersempena para Canselor UiTM iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebagai tanda menghargai jasa dan khidmat bakti, terdapat juga beberapa mercu tanda universiti yang turut dinamakan dengan nama-nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan juga Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Mercu tanda yang amat bermakna dan sinonim dengan UiTM ini besar ertiannya kepada seluruh warga universiti; baik pelajar, staf mahupun alumni yang telah melalui pelbagai pengalaman sepanjang pengajian serta kerjaya mereka. Di sinilah tersimpan beribu rasa dan kenangan untuk merealisasikan harapan dan cita-cita keluarga besar UiTM untuk menjadi lebih kental mengharungi dugaan dan cabaran hidup. Semoga saat menatap bangunan dan lokasi yang terhimpun di sini dapat mengimbau rasa rindu semua untuk melangkah kembali dan menabur budi kepada universiti tercinta ini.

Buku “Mercu Dirgahayu” ini diharap dapat menyemarakkan lagi jati diri kita sebagai warga UiTM dan rakyat Malaysia dengan penuh rasa kasih dan sayang serta taat dan setia kepada Kebawah Duli Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

PROF. DATUK Ts. DR HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA

SINOPSIS

Perjuangan selama lebih 65 tahun menggalas mandat khas bagi memastikan kelangsungan orang Melayu dan bumiputera terjamin dan terbela, Universiti Teknologi MARA (UiTM) kini telah berjaya melahirkan lebih 600 ribu graduan dengan kepakaran dalam pelbagai bidang dan kerjaya.

Sebagai universiti komprehensif terbesar di Malaysia, UiTM bukan sahaja menyediakan peluang pendidikan untuk anak-anak muda berkarya, menjalankan penyelidikan dan menghasilkan inovasi untuk kehidupan yang lebih mampan, bahkan institusi ini turut menyumbang kepada pembangunan pendidikan, sosial dan ekonomi negara selama lebih enam dekad selepas ditubuhkan. Limpahan ekonomi yang terhasil dengan kewujudan UiTM ke atas komuniti sekitar 34 kampus di seluruh negara turut membantu matlamat universiti untuk mengurangkan kemiskinan, melindungi ekosistem, dan memastikan kemakmuran yang merentasi seluruh komuniti setempat termasuk di peringkat global.

Selaras dengan peranan UiTM untuk terus menabur bakti dalam memacu pendidikan progresif dan inovatif, beberapa bangunan serta lokasi strategik sekitar kampus induk di Shah Alam serta kampus Puncak Alam telah dinamakan sempena empat Canselor UiTM bagi mengenang jasa bakti mereka yang juga merupakan Kebawah Duli Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, serta sebuah bangunan ikonik universiti yang dinamakan sempena Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Mercu Dirgahayu UiTM yang dimaksudkan ialah:

*Menara Sultan Abdul Aziz Shah
Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Dataran Tuanku Fauziah
Masjid Al-Wathiqubillah Tuanku Mizan Zainal Abidin
Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah
Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah
Dewan Agung Tuanku Canselor
Hospital Al-Sultan Abdullah*

DAULAT **TUANKU**

TUANKU CANSELOR UiTM

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan Ketua Universiti dan dikenali sebagai **Tuanku Canselor**.

Selaku Tuanku Canselor, baginda memegang kuasa memperkenan tarikh dan kekerapan keberlangsungan Istiadat Konvokesyen UiTM serta mempengerusikannya pada masa yang sama. Sementelahan, telah termaktub di dalam Akta Universiti Teknologi MARA (Akta 173) segala tugas-tugas utama yang perlu disempurnakan oleh baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Canselor UiTM.

Penganugerahan ijazah, diploma, sijil serta pencapaian akademik yang lain juga adalah di bawah kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor kepada para graduan dan individu yang telah menjalani pengajian yang ditawarkan dan diluluskan oleh Universiti.

Adapun, baginda Tuanku Canselor turut memegang kuasa untuk menganugerahkan ijazah kehormat atau mana-mana anugerah berkaitan seperti yang telah dicadangkan oleh Lembaga Pengarah Universiti selepas dipersetujui dalam perbincangan bersama Senat.



CANSELOR

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj
Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj

26 April 1999 - 21 November 2001



CANSELOR

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII
Tuanku Syed Sirajuddin
Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail

13 Disember 2001 - 12 Disember 2006



CANSELOR

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin
Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah

13 Disember 2006 - 12 Disember 2011



CANSELOR

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV
Almarhum Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim
Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah

13 Disember 2011 - 12 Disember 2016



CANSELOR

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV
Sultan Muhammad V

13 Disember 2016 - 6 Januari 2019



CANSELOR

Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah
Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah

31 Januari 2019 - kini

MENJUNJUNG KASIH **TUANKU**

KANDUNGAN



Menara Sultan Abdul
Aziz Shah (SAAS)



Canseleri Tuanku Syed
Sirajuddin




Dataran Tuanku Fauziah



Masjid Al-Wathiqubillah
Tuanku Mizan Zainal
Abidin



Galeri Seni Tuanku Nur
Zahirah (GESTURZ)



Kompleks Kejuruteraan
Tuanku Abdul Halim
Mu'adzam Shah



Dewan Agung Tuanku
Canselor (DATC)



Hospital Al-Sultan
Abdullah

01

09

17

25

33

41

49

57



MENARA

SULTAN ABDUL AZIZ SHAH



Mercu tanda ikonik yang jelas kelihatan dari Lebuhraya Persekutuan menuju ke Shah Alam.



Menara Sultan Abdul Aziz Shah (Menara SAAS) ataupun ‘Menara Ilmu’ dibina pada 1972 dengan gaya rupa bangunan mengikut ekspresi ‘brutalist’ yang diilhamkan oleh arkitek British sekitar lewat 1960-an dan dibina daripada konkrit tertulang tanpa lepa sebagai bahan struktur dan kemasan utama. Bangunan ini dinamakan sempena Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sebagai tanda menghargai jasa dan khidmat bakti baginda.

Menara ini dirasmikan dengan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, selaku Pro-Canselor UiTM pada ketika itu.

Dengan ketinggian 14 tingkat, Menara SAAS merupakan mercu tanda kewujudan UiTM yang memperlihatkan kehebatan universiti dengan kedudukan strategik yang tersgam megah di atas bukit dan dapat dilihat dari jauh di sekitar kawasan bandaraya Shah Alam dan menjadi antara bangunan ikonik utama untuk universiti ini.



Bangunan 14 tingkat ini tersergam megah sejak 1972.



Setiap kali menatap Menara SAAS pasti mengimbau pelbagai memori yang mengusik jiwa warga dan alumni UiTM.



CANSELERI
TUANKU SYED SIRAJUDDIN



Mercu tanda Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini dibina pada November 2002 dan disiapkan sepenuhnya pada 18 Januari 2005. Bagi mengenang jasa bakti Tuanku Canselor UiTM yang kedua iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-11 Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, bangunan ini dinamakan **Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin**. Baginda telah merasmikan Bangunan Canseleri ini pada 18 November 2006.

Bangunan berkapasiti 200 orang ini mampu menempatkan pengurusan tertinggi UiTM demi memastikan pengurusan dan pentadbiran universiti dijalankan dengan efisien. Reka bentuknya pula mempunyai identiti unik dan tersendiri untuk menonjolkan imej korporat dan memenuhi keperluan serta keselesaan pihak pengurusan tertinggi universiti.

Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin juga mempunyai kemudahan untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Canselor UiTM, Pro-Canselor serta Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.



Laman Arca Mim ini menjadi simbol manifesto komuniti Melayu yang telah dibawa oleh UiTM sejak 1972.



Bangunan Canseleri ini menjadi antara bangunan ikonik universiti yang bertempat di hadapan pintu utama UiTM.

Sumber foto:

Sports Engineering & Artificial Intelligence Centre (SEA-IC)



Di hadapan Bangunan Canseleri ini juga terdapat air terjun yang tersergam indah untuk menyambut kedatangan para pelawat.



Bangunan Canseleri juga merupakan lokasi mesyuarat-mesyuarat penting bagi Majlis Eksekutif UiTM (MEU), majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU), dan pelbagai lagi aktiviti utama universiti.




DATARAN
TUANKU FAUZIAH

Pemandangan dari atas menunjukkan keindahan alam semula jadi yang mengelilingi kawasan dataran ini.



Dataran Tuanku Fauziah terletak di sebelah kanan dari jalan masuk menuju ke bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam dan diperkenalkan bersempena Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang ke-12, Tuanku Fauziah binti Almarhum Tuanku Abdul Rashid yang ditabalkan pada 25 April 2002. Pembinaan dataran ini merupakan salah satu usaha UiTM sebagai sebuah institusi untuk menggalakkan apresiasi terhadap alam semula jadi di dalam kampus dengan berkonsepkan landskap taman dan tasik buatan manusia yang dihiasi dengan tumbuh-tumbuhan hijau dengan keindahan alami di sekitar kawasannya.





Dataran ini dibina sebagai pelengkap pandangan buat pengunjung yang menuju ke Bangunan Canseleri.



Dataran yang dihiasi dengan taman tasik buatan manusia ini mampu menjadi penyegar mata para pengunjung.



MASJID

AL-WATHIQUBILLAH

TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN

Sumber foto:
Sports Engineering & Artificial Intelligence Centre (SEA-IC)



Berkeluasan 7,664 meter persegi, pembinaan masjid ini menelan kos sebanyak RM5.7 juta yang turut disumbangkan oleh warga kampus.

Masjid Al-Wathiqubillah Tuanku Mizan Zainal Abidin dahulu dikenali sebagai Pusat Islam ITM Shah Alam.



Masjid Al-Wathiqubillah Tuanku Mizan Zainal Abidin telah dirasmikan dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-13, Al-Wathiqubillah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah pada 10 Ogos 2011 di UiTM Shah Alam. Berkeluasan sehingga 7,664 meter persegi, masjid ini pada asalnya merupakan Pusat Islam ITM Shah Alam yang dirasmikan pada 1993 oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Datuk Amar Dr. Sulaiman Hj. Daud. Pembinaan bangunan Pusat Islam yang boleh menampung seramai 7,000 orang jemaah ini menelan kos sebanyak RM5.7 juta yang turut disumbangkan oleh warga kampus pada masa itu.


Ruang tertutup yang dihampar permaidani mampu memuatkan seramai 5,000 orang jemaah manakala ruang terbuka yang diperindah dengan jubin berkilauan mampu menampung seramai 2,000 orang jemaah. Dewan solatnya juga turut menyediakan tingkat mezanin khas buat kaum wanita dan diapit dengan kemudahan seperti ruang wudhu', pejabat, perpustakaan, dewan syarahan, bilik jenazah dan ruang kemudahan umum.

Kini, ia dikenali sebagai Masjid Tuanku Mizan dan diletakkan di bawah tadbir urus Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI) yang merangka dan melaksanakan agenda memartabatkan agama sebagai pemangkin kepada perubahan dan kefahaman Islam yang lebih dinamik.



Masjid ini juga turut menjadi tumpuan pengunjung masjid bersolat jemaah terutamanya untuk solat Jumaat.

Di bahagian ruangan mimbar pula turut dihiasi indah dengan kaligrafi ayat-ayat suci Al-Quran.



Ruang solat wanita di bahagian atas Masjid Tuanku Mizan juga dilihat indah dengan rekaan corak geometri 'arabesque'.



Di bahagian dalam tingkat bawah masjid ini menempatkan ruang solat utama yang mampu menampung seramai 5,000 orang jemaah.



GALERI SENI

TUANKU NUR ZAHIRAH



GESTURZ merupakan lokasi utama mempamer dan mempromosikan hasil kreatif dan menarik penggiat seni yang terdiri dari pelajar mahupun pensyarah untuk tatapan pengunjung.



Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ) terletak di Menara Sultan Abdul Aziz Shah, UiTM, Shah Alam secara rasminya diperkenalkan sebagai galeri seni universiti oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke-13, Tuanku Nur Zahirah pada 24 Mei 2007. Galeri yang pada asalnya merupakan ruang pejabat Naib Canselor lama (dikenali sebagai Bangunan Canseleri Lama) telah dinaiktaraf sebagai Galeri Seni UiTM sebelum diperkenalkan sebagai GESTURZ.

GESTURZ pada awalnya ditadbir di bawah pengurusan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR). Pada 2018, penstrukturkan semula telah meletakkan GESTURZ di bawah pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui persetujuan Majlis Eksekutif Universiti (MEU) sebelum diserahkan kembali ke FSSR pada 2020. Kini, GESTURZ berada di bawah tadbir urus Pejabat Naib Canselor yang berkuatkuasa pada 2021.

Berhadapan dengan Galeri Tun Abdul Razak, GESTURZ menempatkan bilik Pameran Seni dan Bilik Warisan (Seniman Atrium dan Adiwarna) yang mempamerkan pelbagai karya seni hasil para pengkarya UiTM seperti lukisan, ukiran, pencetakan, seramik, barang kemas, fotografi, seni logam halus, fesyen dan banyak lagi karya yang kebanyakannya telah memenangi beberapa anugerah menerusi pertandingan yang diadakan di dalam dan luar UiTM.

GESTURZ memacu agenda penting sebagai Pusat Kurasi dan Penglibatan dalam usaha menyokong Kreativiti Mampan menerusi kurasi pelbagai platform acara secara khas terutamanya bagi orang awam dan organisasi.





Turut menjadi lokasi utama pameran koleksi seni ialah ruang laluan Adiwarna di bahagian dalam galeri ini.



Ruangan Seniman Atrium ini juga menjadi pilihan lokasi untuk program dan majlis universiti serta pameran tahun akhir para pelajar selain menjadi ruang penempatan pameran koleksi seni kekal universiti.



KOMPLEKS
KEJURUTERAAN

**TUANKU ABDUL HALIM
MU'ADZAM SHAH**



Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah merupakan mercu yang diberi nama sebagai penghargaan kepada Tuanku Canselor UiTM yang pada waktu itu merupakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-14, Almarhum Tuanku Alhaj Abdul Halim Ibni Almarhum Sultan Badlishah pada tahun 2011. Ianya bagi mengenang jasa Tuanku Canselor dalam menaungi UiTM sebagai universiti awam terbesar di Malaysia dan melestarikan nama baginda sebagai salah satu khazanah warisan universiti khususnya, agar terus dikenang oleh generasi akan datang.


Mercu tanda kompleks yang dibina dengan seni bina moden dan dilengkapi fasiliti terkini untuk Kolej Pengajian Kejuruteraan ini adalah menara berkembar yang tersugam indah di hadapan kompleks tersebut. Secara simboliknya juga ia amat bertepatan dengan kedudukan baginda Almarhum Tuanku Abdul Halim yang turut melakar sejarah tersendiri apabila beliau merupakan satu-satunya Raja Melayu pertama dimasyhurkan dua kali sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Baginda dimasyhurkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-5 pada 21 September 1970 hingga 20 September 1975, dan sekali lagi sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada 13 Disember 2011 sehingga Disember 2016.



UiTM juga berbangga memiliki menara berkembarnya sendiri iaitu Menara 1 dan Menara 2 yang terletak di kompleks ini.

Sumber foto:

Sports Engineering & Artificial Intelligence Centre (SEA-IC)



Di sinilah penemuan baharu bakal mencetus ledakan teknologi yang akan memanfaatkan komuniti.

Sumber foto:

Sports Engineering & Artificial Intelligence Centre (SEA-IC)




Di Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ini terletak empat pusat pengajian khusus iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Kimia dan Kejuruteraan Mekanikal.




DEWAN
AGUNG TUANKU CANSELOR

Sumber foto:

Sports Engineering & Artificial Intelligence Centre (SEA-IC)



Acara utama yang paling sering dinantikan oleh orang ramai di DATC adalah Istiadat Konvokesyen UiTM.



Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC) mula dibina pada 28 Julai 2008 dan siap sepenuhnya pada 15 Januari 2011. Mercu tanda UiTM ini merupakan tempat berlangsungnya Istiadat Konvokesyen UiTM yang melakar sejarah buat para graduan universiti. Reka bentuknya yang moden dan futuristik telah menjadikan bangunan ini antara lokasi menarik bagi merakam memori sepanjang pengajian di universiti ini.

DATC juga merupakan pilihan lokasi bagi majlis-majlis utama universiti termasuk pendaftaran pelajar, dewan peperiksaan, dewan seminar dan persidangan, serta juga menjadi ruang pelbagai guna untuk pameran buku dan kerjaya.

Sumber foto:

Sports Engineering & Artificial Intelligence Centre (SEA-IC)



Dari pandangan atas DATC, reka bentuk seni bina bangunan yang unik dan tersendiri ini dapat dilihat dengan lebih jelas.



Dewan Agung Tuanku Canselor ini berdiri megah berhampiran Kolej Perindu dan juga Stadium UiTM.



HOSPITAL

AL-SULTAN ABDULLAH

Hospital Al-Sultan Abdullah memberi perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada warga Selangor khususnya yang tinggal di utara Lembah Klang.



Projek pembinaan yang bermula pada 11 April 2017 menjadi detik bersejarah pewujudan Hospital UiTM menjadi mercu tanda terbaharu universiti. Hospital UiTM menawarkan perkhidmatan kesihatan bertaraf global, dilengkapi dengan pelbagai kepakaran dan sub-kepakaran berteknologi tinggi yang menawarkan rawatan perkhidmatan berkualiti tinggi dan canggih untuk pesakit.

Antara perkhidmatan yang disediakan termasuk rawatan kecemasan dan trauma, rawatan kritikal, pembedahan am, pembedahan khusus (plastik dan rekonstruksi), pembedahan toraks, perut dan ortopedik, rawatan ibu hamil, rawatan untuk bayi, remaja dan orang dewasa serta perubatan geriatrik.

Hospital ini berkapasiti 400 buah katil, dilengkapi kompleks akademik dan perubatan untuk 750 orang pelajar, makmal komputer interaktif, makmal kemahiran klinikal serta wad simulasi. Siap dibina pada tahun 2020 dengan keluasan tapak 46 ekar di kampus Puncak Alam, reka bentuk binaan bangunan ini berinspirasikan elemen molekul air zam-zam (khasiat dan penawar pelbagai penyakit).

Majlis Penyerahan Hospital UiTM telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi pada 23 Mac 2021. Majlis tersebut menyaksikan penyerahan simbolik kunci Hospital UiTM daripada syarikat konsesi TRIplic Medical Sdn. Bhd. kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan UiTM.

Pada 23 Julai 2022, bangunan Hospital UiTM dirasmikan oleh Tuanku Canselor UiTM yang keenam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan diberi nama **Hospital Al-Sultan Abdullah**.



Hospital ini bakal menjadi *Premier Teaching Hospital* yang mampu meningkatkan ekonomi dan memberi manfaat kepada komuniti.


Sumber foto:

Sports Engineering & Artificial Intelligence Centre (SEA-IC)



Hospital Al-Sultan Abdullah ini mampu memacu kesejahteraan komuniti dengan menawarkan khidmat kepakaran dalam bidang perubatan dan kemudahan fasiliti yang terkini.

Sumber foto:
Sports Engineering & Artificial Intelligence Centre (SEA-IC)



Pandangan bangunan hospital dari atas ini menunjukkan binaannya di atas tapak seluas 46 ekar di Kampus Puncak Alam.



Sumber foto:

Sports Engineering & Artificial Intelligence Centre (SEA-IC)



Bangunan ini juga turut mempunyai 98 klinik pakar, 17 dewan bedah, 17 wad, dan 16 mesin dialisis untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran.

Sidang Redaksi

PENAUNG

Prof. Datuk Ts. Dr Hajah Roziah Mohd Janor

PENASIHAT

Prof. Madya Datin Dr Norazida Mohamed
Ts. Dr Hayati Abd Rahman

PENULIS & EDITOR

Syaza Marina Ramli
Nurul Afnieza Md Zain
Azhar Ab Wahab
Aida Ahmad Saipiuddin

PENGARAH REKA LETAK VISUAL

Syaza Marina Ramli

PEREKA GRAFIK

Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

JURUFOTO

Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Nurul Shafika Md Idros

PENYUMBANG BAHAN

Prof. Madya Ts. Dr Zulkifli Mohamed
Dr Mohd Hanif Mohd Ramli
Nurul Syuhadah Khusaini
Norheliena Aziz
Mohd Alif Jalaluddin
Mohd Helmi Mohd Mustamil
Mohd Zairul Masron
Mohd Hafidz Abdul Satar @ Ahmad Sabri
Farah Liyana Nazaruddin
Muhammad Nashrymie Nizar Mohd Samsol Zawawi

PENERBIT

Penerbit UiTM

PENCETAK

Pusat Percetakan UiTM

DENGAN KERJASAMA

UiTM Sports Engineering & Artificial Intelligence (SEA-IC)
Hospital Al-Sultan Abdullah (dikenali sebagai Hospital UiTM)
Galeri Seni Tuanku Nur Zahirah (GESTURZ)
Jabatan Arkib Universiti



Konsen & Pehakberituk

Jabatan Komunikasi
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor